



UNIT MEDIA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
JALAN MAKTAB PERGURUAN ISLAM  
43000 KAJANG  
SELANGOR



Tel : 603-89112423  
Faks : 603-89262150  
Web : <http://www.adk.gov.my>

Ruj. Kami: AADK 100-2/2/2 ( )  
Tarikh: 24 Februari 2016

**Ketua Pengarang  
Berita Harian**

Tuan,

**MAKLUMBALAS AWAM MENGENAI MASALAH PENAGIHAN DI PPR MELALUI AKHBAR  
BERITA HARIAN BERTARIKH 22 FEBRUARI 2016 DI RUANGAN RAKAN BH (M/S35)**

Dengan segala hormatnya pandangan yang dikemukakan oleh **EMYJEZZ:BHA37713** melalui akhbar Berita Harian bertarikh 22 Februari 2016 adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan maklumbalas daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) berkenaan aduan tersebut:

**"Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan EMYJEZZ:BHA37713 dalam menyalurkan pandangan berkenaan operasi penguatkuasaan di PPR. Buat pengetahuan semua pembaca akhbar Berita Harian, AADK memandang serius berkenaan permasalahan dadah yang dilaporkan di kawasan PPR. AADK telah mengenalpasti beberapa kawasan berisiko atau 'hotspot' berdasarkan kaedah 'Geographic Information System' (GIS) dan kawasan PPR yang berkenaan telah dikenalpasti dan dalam pemantauan. Sekiranya terdapat aduan berkenaan penyalahgunaan dadah di kawasan pembaca akhbar Berita Harian yang lain, aduan berkenaan boleh disalurkan melalui emel kepada [pro@adk.gov.my](mailto:pro@adk.gov.my)"**

3. Kerjasama pihak tuan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut di akhbar Berita Harian amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'  
'KHIDMAT TANPA RASUAH'**

Saya yang menurut perintah,

**(HJ. SALEHUDDIN BIN KLEWAN)**

Pegawai Perhubungan Awam  
b.p Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
Kementerian Dalam Negeri

sk:

- YBhg. Dato' Ketua Pengarah AADK
- Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK
- Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan AADK

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765